

Hasil pandangan, syor diserahkan kepada PM

Bangi: Hasil pandangan serta cadangan diperoleh daripada Debat Perdana MADANI akan dibawa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai Resolusi Perdana MADANI bagi membolehkan ia diambil maklum dan tindakan.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata pendekatan debat itu juga adalah platformnya sebagai universiti watan untuk turut menyumbang kepada pembangunan negara.

“Namun, resolusi itu bukan penyelesaian tuntas, tetapi satu permulaan untuk membantu Kerajaan Perpaduan mengambil maklum dan tindakan lanjut bagi mencerakinkan lagi makna MADANI daripada pelbagai perspektif supaya ia sentiasa berkembang.

“Jadi, Debat Perdana MADANI 2023 ini bukan debat dalam konotasi biasa, tetapi bermak-

sud memperdebat, mencerakinkan dan menelusuri secara mendalam gagasan Malaysia MADANI dari pelbagai perspektif dan dimensi, khususnya daripada cendekiawan luar negara yang diundang.

“Justeru, penganjuran program ini bertujuan menjelaskan lagi gagasan Malaysia MADANI kepada masyarakat terutama dalam kalangan sarjana dan ahli akademik,” katanya.

Disebabkan itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata program Debat Perdana MADANI 2023 yang dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama UKM hanya diadakan di universiti terbabit, sementara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain akan menganjurkan program lain.

Mohd Ekhwan berkata, penganjuran debat itu selari pe-
lantikan UKM sebagai sekreta-

riat kepada penganjuran program penerangan berkaitan Malaysia MADANI peringkat IPTA oleh KPT pada 24 Februari 2023 lalu.

“UKM komited dengan gagasan yang dibawa kerajaan, terutama KPT bagi mendukung aspirasi negara dalara memartabatkan negara bangsa melalui keberhasilan ilmu penyelidikan.

“Jadi pada peringkat universiti, kita sebenarnya bersedia melaksanakan agenda MADANI dalam konteks pendidikan tinggi dan debat perdana ini setiap tahun hadapan dengan kita akan membabitkan lebih ramai pemidato dari luar negara.

“Mengikuti perancangan, kita akan menggilirkan tuan rumah Debat Perdana MADANI mengi-

kut negara, UKM sebagai teraju dan kita akan mencari negara lain seperti Indonesia, Turkiye, Qatar yang mempunyai konsep

MADANI sama untuk dianjurkan debat di universiti di Sana,” katanya.

Beliau berkata, debat perdana itu dilaksanakan untuk universiti melihat, mengkritik serta membicaraan konsep yang boleh dijadikan asas dan panduan sebagai sebuah Kerajaan Perpaduan.

“Kita tidak mahu Perdana Menteri saja menceritakan konsep MADANI secara terperinci, sedangkan rakyat terkapai-kapai mencari pemahaman konsep sebenar MADANI,” katanya.

Terdahulu, pembentangan sesi pagi menampilkan Dekan College of Islamic Studies, Hamad

Bin Khalifa; Dekan Qatar University Profesor Dr Recep Senturk; Guru Besar Politik Islam Global, Universitas Islam Negeri Jakarta, Syarif Hidayatullah dan Profesor Dr M Din Syamsuddin serta Sasterawan Negara, Profesor Emeritus Dr Muhammad Salleh.

Muhammad berkata, terdapat konsep sejahtera, keamanan yang dipraktikkan generasi terdahulu adalah sama diterapkan melalui konsep MADANI.

“Jadi perspektif MADANI itu memang dari akar umbi yang menekankan pendirian falsafah serta etika yang menekankan nilai dan tindakan manusia baik secara sendiri atau berkelompok kepada pemikiran kritis dan bukti berbanding penerimaan dogma atau tahyul,” katanya.

M Din pula menjelaskan, wawasan Madani bertapak sejak awal kedatangan Islam dan gagasan diperkenalkan Anwar menarik untuk dibahaskan.



Mohd Ekhwan